

Bolasepak UMS-Carino buka penyertaan

UB 18-10-16 A16

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menganjurkan Kejohanan Bola Sepak UMS-Carino 9 Sebelah Terbuka 2016 pada 26 - 27 November hadapan.

Kejohanan bersempena Majlis Konvokesyen UMS itu terbuka untuk semua pasukan bola sepak di seluruh negeri Sabah.

Kejohanan itu akan dijalankan mengikut format 'double knock-out' di mana perlawanan pertama akan menentukan pasukan-pasukan akan meneruskan pertandingan untuk merebut kejuaraan dalam Kumpulan Kalah ataupun Kumpulan Menang.

Penyertaan kejohanan itu dihadkan untuk 32 pasukan sahaja

berdasar 'siapa cepat dia dapat'.

Menurut Pengarah Pusat Sukan UMS; Mohd Asyraf Abdullah (*gambar*), kejohanan ini adalah sebagai salah satu program dalam memberi peluang untuk warga kampus berinteraksi dengan masyarakat luar melalui sukan bola sepak.

"Dalam masa yang sama, acara

ini juga menjadi medan publisiti untuk masyarakat luar kampus berkaitan Majlis Konvokesyen UMS.

"Bagi pihak penganjur, kami berterima kasih kepada pihak syarikat barangan Carino diatas sokongan menjadi penaja utama kejohanan ini," jelas beliau.

Hadiah-hadiah yang ditawarkan

termasuklah wang tunai, medal dan piala iringan serta barangan sukan tajaan Carino.

Sepanjang kejohanan itu berlangsung, Pesta Tamu Gadang yang mana gerai-gerai jualan barangan dan makanan turut diadakan disamping pelbagai program lain.

Sehubungan dengan itu,

mereka yang berminat boleh mendapatkan keterangan lanjut dengan menghubungi talian 0168207479 (Azman Soaibah), 0148926342 (Ramlan Rashid), 0109406713 (Syariah Asilah) atau datang terus ke Pusat Sukan UMS sebelum tarikh tutup pada 22 November. -Oleh **DESMOND**

QWEK

